

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

“
**KERATAN
AKHBAR
KESUMA**”

**JUMAAT
24 Oktober 2025**



8 Utusan Malaysia
JUMAAT • 24 OKTOBER 2025



FESTIVAL Mega I Lindung U menjadi pusat sehenti bagi orang ramai mendapatkan maklumat mengenai program perlindungan sosial Perkeso serta pelbagai manfaat sepanjang tiga hari penganjurannya bermula hari ini di pekarangan Stadium Shah Alam, Selangor. - UTUSAN/AFIQ RAZALI

Perkeso sedia layani pengunjung Festival Mega I Lindung U

Oleh MOHAMAD ATHIR ISMAIL
athir.ismail@mediamula.com.my



SHAH ALAM: Empat program perlindungan sosial daripada Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) memberi manfaat kepada para pencarum yang mencarum melalui Lindung Pekerja, Lindung Kerjaya, Lindung Kendiri, Lindung Kasih.

Semua maklumat lanjut berkaitan perlindungan sosial itu, tersedia kepada pengunjung Festival Mega I Lindung U 2025 yang berlangsung selama tiga hari bermula hari ini di pekarangan Stadium Shah Alam.

Ketua Cawangan Penjenamaan, Media dan Perhubungan Awam Perkeso, Datuk Tengku Khalidah Tengku Bidin berkata, festival itu berperanan sebagai pusat sehenti perlindungan sosial negara, yang menghimpunkan pelbagai perkhidmatan dan aktiviti komuniti di bawah satu bumbung.

"Melalui festival itu, orang ramai boleh mendaftar dan menyemak status caruman, mendapatkan khidmat nasihat daripada Perkeso serta mendekati pelbagai inisiatif perlindungan sosial ditawarkan," katanya.

Orang ramai juga berpeluang mendapatkan maklumat lanjut pelbagai bantuan menerusi program Sosial Sinergi serta faedah-faedah lain termasuk kemudahan Pusat Rehabilitasi.

Malah, Perkeso turut menawarkan diskaun sehingga 80

peratus ke atas Faedah Caruman Lewat Bayar (FCLB) kepada majikan sepanjang festival bagi membantu mereka menyelesaikan tunggakan caruman dan menggalakkan pematuhan terhadap tanggungjawab keselamatan sosial pekerja namun tertakluk kepada terma dan syarat.

Pada Festival Mega I Lindung U, Perkeso bersedia menerima sekurang-kurangnya 70,000 pengunjung untuk menyemak, mendaftar dan memahami lebih dekat skim perlindungan sosial daripada Perkeso selain menikmati pelbagai pengisian menarik serta peluang memenangi hadiah lumayan.

Selain pelbagai pengisian menarik aktiviti di reruai utama Perkeso, bermacam-macam lagi tarikan disediakan seperti hampir 1,000 peluang kerjaya dalam Karnival Lindung Kerjaya MyFutureJobs serta 60 gerai makanan viral dan popular.

Peluang itu disediakan oleh syarikat terkemuka seperti DRB-Hicom Auto Solutions Sdn Bhd, Watsons, Top Glove Corporation Berhad, Media Prima Berhad, dan Mega Fortis Berhad di pelbagai peringkat dengan tawaran gaji sehingga RM10,000.

Di samping itu, pengunjung juga boleh mengetahui pelbagai lagi maklumat menerusi

perkongsian dalam sesi borak santai bersama aktivis kemanusiaan Zainal Rashid Ahmad (ZRA), tausiah oleh Sheikh Mahmood Al Wasobi, serta ceramah agama oleh Ustaz Mad Kecil.

Dalam program sepanjang tiga hari itu juga, orang ramai berpeluang menjalani saringan kesihatan percuma oleh Bahagian Perubatan dan Pemulihan Perkeso serta saringan kanser percuma oleh Majlis Kanser Nasional (Makna).

Menambah kemeriahan, pengunjung boleh menyertai aktiviti seperti dekorasi kek tiramisu 'Lindung Kasih', bual bicara 'Lindung Pekerja', pertandingan e-Sport 'Lindung Kendiri', perkongsian inspirasi bersama pempengaruh Makkiah Ferry, serta pertunjukan silap mata oleh Mawie Magic.

Setiap malam, pentas utama bakal dihangatkan dengan Konsert I Lindung U menampilkan barisan artis popular seperti Rabbani, Drama Band, Kartika, Kristal X dan Sofaz.

Perkeso menjemput semua lapisan masyarakat daripada pekerja, majikan, pencari kerja hingga keluarga untuk hadir ke Festival Mega I Lindung U, yang berlangsung dari 10.00 pagi hingga 10.00 malam, dan berpeluang memenangi hadiah menarik bernilai keseluruhan RM20,000 seperti tablet, basikal, peralatan elektrik dan banyak lagi.

Ekonomi

Wanita MyWira Accelerator perkasa 100,000 wanita

Oleh **SABRINA ZULKIFLI**
sabrina.zulkfli@mediamula.com.my

KUALA LUMPUR: Wanita MyWira Accelerator menyasarkan untuk memperkasa lebih 100,000 wanita dengan kemahiran dan peluang pekerjaan berimpak tinggi menjelang 2030.


Menteri Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong berkata, inisiatif tersebut mencerminkan komitmen kerajaan untuk membina tenaga kerja inklusif dan bersedia menghadapi perubahan struktur ekonomi global.

"Melalui TalentCorp, Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) sedang melatih wanita untuk menceburi sektor berimpak tinggi seperti kecerdasan buatan (AI) dan tenaga boleh diperbaharui, bagi memastikan bakat tempatan sejajar dengan keperluan ekonomi masa hadapan.

"Jurang gaji antara jantina menunjukkan penyusutan ketara, apabila perbezaan median menurun daripada RM211 pada 2023 kepada hanya RM18 pada Mac 2025.

"Hampir 50 peratus syarikat tersenarai awam di Malaysia juga kini mempunyai sekurang-kurangnya 30 peratus pengarah wanita," katanya semasa Majlis Pelancaran Wanita MyWira Accelerator di sini semalam.

Beliau berkata, kerajaan turut memperkenalkan pelbagai dasar mesra keluarga termasuk hak kepada Aturan Kerja Fleksibel



TUNKU Besar Seri Menanti, Tunku Ali Redhauddin ibni Tuanku Muhriz (tengah) berkenan merasmikan Wanita MyWira Accelerator di Pusat Konvensyen Sime Darby. Turut bersama, Steven Sim (dua kiri) dan Menteri Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri (dua kanan).

(AKF), potongan cukai sehingga RM500,000 kepada majikan yang melaksanakannya serta potongan cukai 50 peratus bagi cuti bergaji untuk penjagaan keluarga.

"Belanjawan 2026 pula memperluaskan pelepasan cukai penjagaan anak kepada kanak-kanak berumur enam hingga 12 tahun.

"Melalui inisiatif ini, kerajaan ingin menghapuskan halangan penyertaan wanita dalam pasaran kerja dengan menekankan latihan pekerjaan fleksibel serta memu-

puk tempat kerja yang mesra penjagaan dan keluarga," katanya.

Pelancaran itu turut menandakan penyertaan rasmi Malaysia dalam Rangkaian Global Gender Parity Accelerator Forum, sekali gus menjadikan negara ini yang pertama di ASEAN menyertai platform global tersebut bagi memperkukuh penyertaan ekonomi wanita.

Bagi tahun pertama pelaksanaan, sebanyak 1,000 wanita akan dilatih di bawah program MyMahir

TalentCorp, dengan kadar penempatan pekerjaan disasarkan pada 80 peratus dalam tempoh enam bulan selepas tamat latihan.

Program itu turut mendapat sokongan 1,000 syarikat tempatan melalui pelaksanaan amalan kerja fleksibel, peluang program kembali kerja serta keutamaan kepada pengambilan graduan wanita.

Model pelaburan bersama bernilai RM15 juta diperuntukkan bagi menjayakan fasa awal program tersebut.

Lawatan bersejarah

Ketua Pengarah ILO lawat Malaysia buat kali pertama sejak 1957. Lawatan bersejarah ini tanda pengiktirafan dunia terhadap kepimpinan Malaysia dalam memperjuangkan hak dan kebajikan pekerja.

→ Nasional 5



Jumaat, 24 Oktober 2025

Nasional

5

ILO puji kepimpinan menteri KESUMA paling dinamik di ASEAN

Malaysia diiktiraf dunia dalam usaha memacu kemahiran dan reformasi pasaran buruh

Lawatan pertama Ketua Pengarah International Labour Organization (ILO), Gilbert F Houngbo ke Malaysia sejak negara menyertai badan buruh dunia itu pada tahun 1957 menjadi detik bersejarah buat dunia pekerjaan negara.

Dalam ucapan pembukaannya di Global Skills Forum (GSF) 2025 di Kuala Lumpur, Houngbo, baru-baru ini menzahirkan penghargaan kepada Malaysia dan mengiktiraf kepimpinan Menteri Sumber Manusia, Steven Sim yang disifatkannya sebagai antara menteri buruh paling dinamik dan berwawasan tinggi di rantau ini.

"Saya ingin memberikan penghargaan khas kepada Kementerian Sumber Manusia di bawah kepimpinan Steven Sim, yang saya anggap sebagai antara menteri buruh paling dinamik dan berpandangan jauh di rantau ini.

"Kepimpinan beliau dalam menerajui ASEAN Year of Skills 2025 mencerminkan komitmen Malaysia memperkasa tenaga kerja serantau," katanya.

Beliau turut memuji peranan Malaysia yang kini dilihat sebagai contoh kejayaan dalam pelaksanaan dasar kemahiran dan pembelajaran sepanjang hayat, seiring strategi ILO untuk membina masa depan kerja berteraskan manusia dan keadilan sosial.

"Pelaburan dalam kemahiran adalah pelaburan terbaik bagi mana-mana negara. Apabila kerajaan, majikan dan pekerja bekerjasama, kemahiran menjadi pemangkin inovasi, produktiviti dan keterangkuman sosial," katanya lagi.

Global Skills Forum dorong aspirasi ASEAN berkemahiran tinggi

Steven pula berkata, Global Skills Forum bukan sekadar wacana akademik, sebaliknya menjadikan Malaysia tuan rumah kepada satu perbincangan global yang penting.


Katanya, forum itu platform berprestij yang menghimpunkan lebih 50 negara termasuk wakil kerajaan, majikan, pekerja dan



Steven bersama Houngbo serta tetamu yang hadir pada Global Skills Forum (GSF) 2025 di Kuala Lumpur, baru-baru ini.



Steven Sim berucap pada Majlis Global Skills Forum (GSF) 2025 di Kuala Lumpur, baru-baru ini.



Houngbo berucap pada Majlis Global Skills Forum (GSF) 2025 di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

pakar, bagi membincangkan masa depan tenaga kerja global.

Selain turut menjadi medan untuk menyol semua, bagaimana dunia dan khususnya rantau ASEAN, boleh melahirkan tenaga kerja yang tangkas, berkemahiran serta berperikemanusiaan dalam menghadapi gelombang teknologi baharu.

Menyambut penghargaan daripada Ketua Pengarah ILO itu, Steven menegaskan, dalam mengejar kemajuan ekonomi, kerajaan tidak seharusnya melupakan nasib pekerja biasa kerana kemajuan ekonomi dan teknologi mesti seiring dengan latihan kemusiaan.

Beliau berkata, maruah seorang pekerja bukan sahaja datang daripada perlindungan, tetapi juga daripada kecekapan dan peluang yang diberikan.

Beliau turut menekankan, dalam dunia yang berubah pantas hari ini, pendidikan dan latihan kemahiran untuk pekerja perlu

mempunyai tiga ciri utama, iaitu belajar sambil bekerja, belajar melalui amalan dan pembelajaran sepanjang hayat.

Latihan ini, katanya, perlu bersifat tangkas serta mampu menyesuaikan diri dengan perubahan pesat dalam industri.

"Bagi memperkukuh agenda ini, Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) sedang membangunkan satu platform latihan baharu yang menghimpunkan kursus kemahiran terbaik daripada penyedia latihan tempatan dan antarabangsa, disahkan oleh pakar industri dan boleh diakses oleh semua lapisan masyarakat," katanya.

Inisiatif ini berpaksikan asas kukuh yang telah dibina melalui HRD Corp, di mana majikan menyumbang levi 1 peratus daripada gaji pekerja untuk tujuan latihan.

Sejak tahun 2023 hingga Ogos tahun ini, sebanyak RM5.77 bilion atau 94 peratus daripada ku-

tipan levi RM6.17 bilion telah digunakan untuk melatih hampir 4 juta pekerja di seluruh negara.

Beliau menambah, Malaysia berhasrat untuk melihat ASEAN menjadi antara rantau paling berkemahiran tinggi di dunia.

Dengan populasi sekitar 700 juta orang yang berkongsi budaya, bahasa dan tradisi, integrasi tenaga kerja serantau untuk kerjasama ekonomi adalah lebih mudah.

"Inilah matlamat utama pengumuman Global Skills Forum, iaitu membina tenaga kerja serantau yang berkemahiran dan bersedia saling di peringkat global," katanya.

Masa depan kerja berteraskan manusia

Sementara, Tumbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dalam ucapan perasmian menegaskan, dunia kini berdepan perubahan besar akibat kemajuan AI, peralihan hijau

dan dinamik global baharu.

Beliau berkata, ini menjadikan kemahiran manusia semakin penting dalam menentukan hala tuju ekonomi masa depan.

"Kemunculan AI dan transformasi digital memaksa kita menilai semula peranan sebenar manusia dalam ekonomi moden. Ekonomi kita dibina terlebih dahulu oleh rakyat dan kemahiran mereka.

"Jika kita menutup jurang peluang dan memperkukuh modal insan, kita akan mencapai masa depan yang didefinisikan oleh kemajuan, bukan ketamakan," katanya.

Beliau turut menekankan, kejayaan pembangunan kemahiran tidak mungkin dicapai tanpa kerjasama erat antara kerajaan, majikan dan pekerja, selaras dengan semangat tripartit yang menjadi asas kepada GSF tahun ini bertepatan *The Role of the Private Sector in Skills Development: Driving Innovation and Impact*.

Akhbar	Kosmo!
Tarikh	24 Oktober 2025
Ruang	Negara
Muka Surat	6

6 **NEGARA!**

KOSMO/JUMAAT 24 OKTOBER 2025

Kemahiran TVET aset masa depan – Ahmad Zahid

PETALING JAYA – Malaysia terus diiktiraf di peringkat antarabangsa sebagai peneraju agenda Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dan pembangunan modal insan berkemahiran tinggi di rantau ini.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata, ia berikutan pengajuran Global Skills Forum 2025 yang buat julung kali diadakan di luar Geneva.

"Global Skill Forum 2025 ini

menghimpunkan pemimpin dan wakil dari hampir 50 negara bagi membincangkan hala tuju pembangunan kemahiran global.

"Insha-Allah, komitmen ini akan diteruskan bagi memastikan tenaga kerja negara kekal relevan, beretika dan berdaya saing dalam ekonomi masa depan," katanya dalam hantaran di Facebook semalam.

Ahmad Zahid berkata, kemahiran ialah 'aset' sebenar masa depan, manakala pengetahuan

merupakan kunci yang membuka pintu kepada kemakmuran bersama.

Global Skills Forum 2025, yang dianjurkan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) berlangsung selama dua hari sejak Selasa lalu di Kuala Lumpur.

Forum itu memfokuskan kepada isu-isu strategik seperti transformasi digital, ekonomi hijau, kecerdasan buatan (AI), dan industri baharu yang membentuk masa depan pekerjaan.



AHMAD ZAHID (tengah) ketika melakukan gimik Majlis Pelancaran GSF 2025 di Kuala Lumpur kelmarin.



Human Resources Minister Steven Sim (second from left) shakes hands with ILO director-general Gilbert F. Houngbo at the Global Skills Forum (GSF) 2025, Kuala Lumpur on Oct 22, as Deputy Prime Minister Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi (middle) looks on.

HISTORY IN THE MAKING

International Labour Organization (ILO) director-general Gilbert F. Houngbo made a historic first visit to Malaysia to speak at the Global Skills Forum 2025, held in Kuala Lumpur, Oct 21. Praising Human Resources Minister Steven Sim as one of Asean's most dynamic and visionary labour ministers, Houngbo also commended Malaysia's leadership in advancing skills development and labour market reforms.

> See report on NEXT PAGE.

11

THE STAR, FRIDAY 24 OCTOBER 2025

ILO PRAISES KESUMA MINISTER'S LEADERSHIP AS 'MOST DYNAMIC' IN ASEAN

THE official visit to Malaysia by the International Labour Organization (ILO) director-general Gilbert F. Hengbo on Oct 21 marked a historic moment for the nation's labour landscape since joining the global labour body in 1957.

In his opening address at the Global Skills Forum (GSF) 2025 in Kuala Lumpur the following day, Hengbo expressed his appreciation to Malaysia and commended Human Resources Minister Steven Sim Chee Keong's leadership, describing him as one of the most dynamic and forward-looking labour ministers in the Asean region.

"I wish to express my heartfelt appreciation to the Ministry of Human Resources under the leadership of Minister Steven Sim whom I regard as one of the region's most dynamic and visionary labour ministers," he said.

"His leadership in championing the Asean Year of Skills 2025 truly reflects Malaysia's commitment to empowering our region's workforce for the future."

He also praised Malaysia's role as a model of success in implementing skills and lifelong learning policies, aligning with the ILO's strategy of building a future of work centred on humanity and social justice.

"Investment in skills is the best investment any nation can make. When governments, employers and workers collaborate, skills become the catalyst for innovation, productivity and social inclusion," he added.

Forum drives Asean skilled workforce aspiration

The forum brought together representatives from the government, employers, workers and experts from over 50 countries, making Malaysia the hosting country for a vital global dialogue on how nations can prepare a workforce that is agile, skilled and humane in an era shaped by new technologies.

The forum this year plans to accelerate global efforts, by transform skills development through rethinking and revolutionising the role of the private sector.

In response to the ILO director-general's recognition, Sim stressed that in pursuing economic progress, governments must not lose sight of the ordinary worker, as economic and technological advancement must go hand in hand with human development.

He said a worker's dignity derives not only from protection but also from competence and opportunity.

He further emphasised that in today's rapidly changing world, education and skills training for workers must embody three key characteristics: learning while working, learning through practice, and lifelong learning.


Such training, he noted, must be adaptive and responsive to the fast-paced transformation of industries.

To advance this agenda, the Human Resources Ministry (KESUMA) is developing a new

Malaysia recognised globally for its efforts in driving skills development and labour market reform



Delegates at the GSF aims to accelerate global efforts, by transforming skills development through rethinking and revolutionising the role of the private sector. From left, HRD Corp chief executive Dr Syed Alwi Mohamed Sultan, Cambodia Labour and Vocational Training Minister Heng Sour, Vietnam Education and Training Ministry's Department of Vocational and Continuing Education and Training deputy director general Nguyen Thi Viet Huong, KESUMA secretary-general Datuk Azman Mohd Yusof, Hengbo, Sim, Lao People's Democratic Republic Labour and Social Welfare vice minister Phongsayack Inthath, Timor Leste Vocational Training and Employment state secretary Rogerio Araujo Mendonca, Indonesia Manpower Placement Development and Expansion of Employment Opportunities director-general Darmawansyah, The Philippines Policies and Planning Technical Education and Skills Development Authority (TESDA) deputy director-general Rosanna A. Urdaneta and Asean Secretariat, Labour and Civil Service Division senior officer Madyah Rahmi Lukri.



Hengbo said investment in skills is the best investment any nation can make. When governments, employers and workers collaborate, skills become the catalyst for innovation, productivity and social inclusion.

training platform that will consolidate top-quality skills courses from both local and international providers, verified by industry experts and accessible to all.

This initiative builds on the strong foundation established through HRD Corp, where employers contribute a 1% levy from employees' wages for training purposes.

From 2023 to August this year, RM5.77bil, or 94%, of the RM6.17bil levy collected has been utilised to train nearly four million workers nationwide.

He added that Malaysia aspires for Asean to become one of the most highly skilled regions in the world.

With a population of about 700 million sharing similar cultures, languages and traditions, regional labour integration for economic

cooperation is more attainable. "This is the core objective of hosting the Global Skills Forum - to build a regional workforce that is skilled and globally competitive," he said.

Following the forum, Hengbo posted on social media X (formerly Twitter) on Oct 21 that he "held excellent discussions" with Sim.

"We are grateful for Malaysia's strong partnership in advancing #SocialJustice and inclusive growth both nationally and within the Association of Southeast Asian Nations (Asean)," he wrote.

Deputy PM emphasised human-centred future

In his officiating speech, Deputy Prime Minister Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi highlighted the world is facing major



Sim stressed that in pursuing economic progress, governments must not lose sight of the ordinary worker, as economic and technological advancement must go hand in hand with human development.

transformations driven by artificial intelligence, the green transition and new global dynamics - making human skills increasingly crucial in shaping the economic future.

"The rise of AI and digital transformation compels us to re-evaluate the true role of human beings in the modern economy," he said.

"Our economy is built first and foremost by our people and their skills."

"If we bridge opportunity gaps and strengthen human capital, we will create a future defined by progress, not greed."

He further stressed that successful skills development cannot be achieved without close collaboration between governments, employers and workers, consistent with the tripartite spirit



X (formerly Twitter) posting by Hengbo the nation advancing social justice and inclusivity.

underpinning this year's GSF theme: "The Role of the Private Sector in Skills Development: Driving Innovation and Impact."

100,000 women to upskill

The govt aims to equip them with future-ready skills by 2030

Inclusive agenda:
Tunku Ali (fourth from left) poses for a group photo during the launch of the initiative at the Sime Darby Convention Centre. Also present were Sim (third from left) and Nancy Shukri (fourth from right). — Bernama



KUALA LUMPUR: In a move to strengthen women's role in the national economy, the government aims to equip 100,000 women with future-ready and high-growth skills by 2030 through the newly-launched Wanita MyWira Accelerator initiative.

Led by the Human Resources Ministry (Kesuma) through Talent Corporation Malaysia Bhd (TalentCorp), in partnership with the World Economic Forum (WEF), the initiative positions Malaysia as the first Asean country to join the WEF's Global Gender Parity Accelerator Network, a global platform promoting women's economic inclusion.

Human Resources Minister Steven Sim said the initiative underscores the government's commitment to inclusion and workforce transformation by preparing Malaysian women for high-growth sectors, such as artificial intelligence (AI) and renewable energy.

"Through the Wanita MyWira Accelerator, the government aims to remove barriers to women's participation in the workforce by offering flexible job opportunities, promoting family and caregiving-friendly workplaces and expanding access to decent work, particularly in rural areas," he

"When the right policies are in place, real change is possible."

Steven Sim

said during the launch here yesterday.

The ceremony was officiated by Sim, along with Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri, and Teach For Malaysia chairman and founding trustee, Tunku Besar Seri Menanti Tunku Ali Redhaudin Tuanku Muhriz.

The first phase of the accelerator will train 1,000 women under TalentCorp's MyMahir-certified pathways, aiming for an 80% job placement rate within six months of completion.

With a RM15mil co-investment model, the initiative brings together 1,000 companies that have committed to implementing flexible work arrangements, providing return-ship opportunities

for women who have taken career breaks and hiring trained female graduates.

At the same time, Sim highlighted Malaysia's significant progress in women's empowerment, noting that women now form the majority of students in higher learning institutions.

The female labour force participation rate has also increased from 50.4% in 2007 to 56.3% today.

Furthermore, women now hold 28% of board positions in Malaysian public-listed companies, with over 30% in the top 100 listed companies, compared to just 5% in 2007.

"The gender pay gap has also narrowed significantly, from RM200 in 2023 to just RM18 as of March 2025. This shows that when the right policies are in place, real change is possible," he said, Bernama reported.

Despite this progress, Sim warned that Malaysia must not become complacent. He pointed out that many women remain absent from the workforce, especially with the rise of artificial intelligence, which threatens to replace routine and white-collar roles traditionally held by women.

Meanwhile, Nancy emphasised that the programme reflects Malaysia's commitment to build-

ing an inclusive economy, where women are not only seen as beneficiaries but as key drivers of growth under the Madani Economic Framework.

"The government recognises that when we empower women, we empower families, communities, and ultimately, the nation," she said.

Nancy also shared details about the National Policy for Women 2025-2030, themed "Memartabat Wanita, Memperkukuh Negara", which aims to turn commitment into concrete action by addressing barriers such as unpaid care work, gender discrimination and unequal access to opportunities.

She highlighted the Budget 2026 commitments, including RM230mil to empower over 300,000 women micro-entrepreneurs, RM270mil to support women-led SMEs and RM7.9bil in Technical and Vocational Education and Training funding to strengthen talent pipelines in digital, green and precision industries.

"With the Wanita MyWira Accelerator, we are creating real pathways for women returning to work, mid-career professionals seeking growth, and young talents entering high-demand sectors such as technology, digital and sustainability," she said.

மலேசிய தொழிலாளர்களுக்கு புதிய பயிற்சி தளத்தை மனிதவள அமைச்சு உருவாக்குகிறது

கோலாலம்பூர்,
அக். 24-
மலேசிய
தொழிலாளர்களுக்கு
புதிய பயிற்சி தளத்தை
மனிதவள அமைச்சு
உருவாக்குகிறது என
மனிதவள அமைச்சர்
ஸட்வன் சிம் சுவறினார்.

அனைத்து சமூகப் பிரிவுகளும்
அணுகக்கூடிய ஒரு
புதிய தொழில்துறை,
அங்கீகரிக்கப்பட்ட பயிற்சி
தளத்தை நிறுவுவதற்காக
அமைச்சு அளவிலான
ஒரு திட்டத்தை உருவாக்கி
வருகிறது. உள்ளூர்,
உலகளாவிய பயிற்சி
வழங்குநர்களிடமிருந்து சிறந்த
திறன் படிப்புகளை இந்த தளம்
தொகுத்து ஒருங்கிணைக்கும்.

தொழிலாளர் கல்வி



என்பது பணியிடத்தில் சுற்றல்,
நடைமுறை பயன்பாடு,
தொடர்ச்சியான மேம்பாடு
ஆகியவற்றை இணைக்க
வேண்டும்.

வேகமான தொழில்துறை
மாற்றங்களுக்கு விரைவாக
மாற்றியமைக்க பயிற்சித்
திட்டங்கள் சுறுசுறுப்பாகவும்
நெகிழ்வாகவும் இருக்க
வேண்டும்.

தொழில்துறை புரட்சி

4.0 என்பது திறன்
மேம்பாட்டை
மையமாகக் கொண்ட
தொழில்நுட்ப,
தொழிற்கல்வி, பயிற்சி
புரட்சியாக மாற
வேண்டும்.

கோலாலம்பூரில்
நடைபெற்ற ஆசியான்
திறன் ஆண்டு 2025
உலகளாவிய திறன்கள்
மன்றத்தில் தனது
தொடக்க உரையின்

போது அமைச்சர் இந்தக்
கருத்துகளை தெரிவித்தார்.

எச்ஆர்டி கோர்ப் மூலம்
தொழிலாளர் சந்தையில்
மலேசியாவின் திறன்
மேம்பாடு, மறுதிறன்
மேம்பாட்டை வெற்றிகரமாக
ஒருங்கிணைத்ததை சிம்
எடுத்துரைத்தார் என்பது
குறிப்பிடத்தக்கது.

Akhbar	Tamil Malar
Tarikh	24 October 2025
Ruang	Nation
Muka Surat	16

திவெட வாயிலாக வாழ்நாள் முழுவதும் கற்றல், மனித மூலதன மேம்பாட்டில் அரசு கவனம் செலுத்துகிறது

கோலாலம்பூர், அக். 24-
திவெட வாயிலாக வாழ்நாள் முழுவதும் கற்றல், மனித மூலதன மேம்பாட்டில் அரசு கவனம் செலுத்துகிறது என துணைப் பிரதமர் டத்தோஹ் அஹ்மட் ஸாஹித் ஹமிடி இதனை கூறினார்.
இது தொழில் சந்தைக்கு மட்டுமல்ல, செயற்கை நுண்ணறிவு உள்ளிட்ட தற்போதைய தொழில்நுட்பத்திற்கு ஏற்ப ஒரு படைப்பாற்றல் மிக்க தலைமுறையை



உருவாக்குவதற்கான முன்முயற்சிகளை உள்ளடக்கிய ஒரு விஷயமாகும். முன்னேற்றத்தின்வழி ஒரு

தேசம் மக்களுக்கு சேவை செய்ய வேண்டும். அந்த நம்பிக்கையை நாம் எப்போதும் விதைத்து வருகிறோம், கடைப்பிடித்து

வருகிறோம். டிஜிட்டல் அல்லது தொழில்நுட்ப ஏன ஒவ்வொரு வகையான மாற்றமும் மக்களை மையமாகக்

கொண்டதாக இருப்பதை நாம் உறுதி செய்ய வேண்டும். விசேஷ குடிமக்கள் இல்லாமல் எம்மாட் நகரங்களை உருவாக்க முடியாது. மேலும் உள்ளடக்கத்தை உறுதி செய்யாமல் புதுமைகளைத் தொடர முடியாது. உலகளாவிய திறன்கள் மற்றும் 2025 இன் தொழில் விழாவில் அவர் தனது உரையின் போது இவ்வாறு கூறினார். மனிதவள அமைச்சர் ஸ்வைன் சிம் சீ கியோங் இந்நிகழ்வில் துவக்க உரை நிகழ்த்தினார். திறன் அமைப்பை

வலுப்படுத்துதல், திவெட, தொழில் 4.0 ஆகியவற்றை ஒருங்கிணைத்தல், பசுமையான பொருளாதாரம் ஆகியவை அரசாங்கத்தின் முன்னுரிமைகளில் அடங்கும். அவை மனிதவள அமைச்சரால் உருவாக்கப்பட்ட கட்டமைப்பை செயல்படுத்துவதன் மூலம் பின்பற்றப்படுகின்றன. இரண்டாவதாக, பெண்கள், இளைஞர்கள், மாற்றுத்திறனாளிகள், முறைசாரா துறையில் உள்ள தொழிலாளர்களுக்கு மறுபயிற்சி, திறன்களை மேம்படுத்தும் வாய்ப்புகளை விரிவுபடுத்துதல் என்று அவர் கூறினார்.